

BAB 5

PERBINCANGAN

5.1 Perbincangan penemuan

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkaitan isu penggunaan sumber maklumat elektronik yang disediakan oleh Perpustakaan Hospital UKM (HUKM) di kalangan pelajar Fakulti Perubatan UKM. Kajian ini adalah signifikan dan penting bagi mengetahui tren penggunaan terkini bagi sumber maklumat elektronik di Perpustakaan HUKM memandangkan peruntukan yang tinggi yang perlu disediakan bagi kemudahan perkhidmatan elektronik. Oleh itu, perpustakaan boleh mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan sumber maklumat elektronik berdasarkan penemuan kajian ini.

Beberapa penemuan penting yang dapat menjawab persoalan dan objektif kajian ini telah diperolehi.

5.1.1 Sumber Maklumat Elektronik di Perpustakaan HUKM

Hasil daripada temubual menunjukkan Perpustakaan HUKM menyediakan pelbagai bentuk dan judul sumber maklumat elektronik. Sumber maklumat elektronik di Perpustakaan HUKM meliputi 10 judul pangkalan data teks penuh, 2 judul pangkalan data bukan teks penuh, 1 judul pangkalan data imej, 2 judul CD-ROM dan sumber berasaskan web (Internet). 10 judul pangkalan data teks penuh ialah *OVID / Medline*, *Proquest Medical*, *Blackwell-Synergy*, *MD-Consult*, *Science Direct*, *EBSCO Host*, *Springer Link*, *Emerald*, *PsycINFO and PsycARTICLES* dan *Encyclopedia of Life Science*. 2 judul pangkalan data bukan teks penuh ialah *CRL-Online* dan *Micromedex*.

Images.Md pula adalah judul pangkalan data imej yang disediakan Perpustakaan HUKM. 2 judul CD-ROM yang disediakan ialah CD-ROM Proquest dan CD-ROM Multimedia.

Penemuan ini menunjukkan bahawa Perpustakaan HUKM seiring dengan perkembangan terkini sumber maklumat elektronik di seluruh dunia terutamanya di perpustakaan akademik. Sebagai contoh di Toronto Hospital Library yang menyediakan pelbagai jenis sumber maklumat elektronik yang dapat diakses di keseluruhan rangkaian Toronto Hospital dan Universiti di Toronto.

Penyediaan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan HUKM juga mengikut generasi yang digariskan oleh Lancaster (1995). Lancaster menyatakan generasi ketiga dan keempat sumber maklumat elektronik adalah penyebaran sumber maklumat elektronik yang mempunyai ciri-ciri tambahan seperti sistem pencarian, dan generasi yang menyediakan sumber elektronik yang bercirikan multimedia, hiperteks dan Internet. Penemuan menunjukkan Perpustakaan HUKM menyediakan sumber maklumat elektronik seperti Pangkalan data Teks Penuh *OVID/MEDLINE*, dan CD-ROM Multimedia yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan Lancaster.

Selain itu, perpustakaan HUKM juga mengikut saranan Lee (2002) yang menyatakan sumber maklumat elektronik mesti dipertimbangkan bersama dengan pembangunan sumber bercetak

5.1.2 Maklumat Asas Responden

Hasil daripada soal selidik yang telah dikembalikan oleh responden menunjukkan sebanyak 80.8% responden tinggal di kolej asrama manakala 19.2% responden tinggal di luar kolej asrama. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden tinggal dalam kampus dan berdekatan dengan Perpustakaan HUKM. Seharusnya pelajar mudah untuk hadir ke

perpustakaan kerana jarak tempat penginapan yang dekat dengan kolej. Namun apabila dilihat daripada kekerapan penggunaan sumber maklumat elektronik didapati pelajar kurang kerap menggunakan sumber maklumat elektronik. Oleh itu, pihak perpustakaan seharusnya melihat sebab mengapa pelajar kurang kerap menggunakan sumber maklumat elektronik walaupun mereka tinggal berdekatan perpustakaan dan perpustakaan juga dibuka sehingga jam 10.00 malam. Disamping itu, penemuan menunjukkan sebanyak 17.9% responden membuat penyelidikan dan 82.1 % tidak membuat penyelidikan pada masa kini. Walaupun begitu, didapati mereka masih kurang pengetahuan dalam menggunakan kaedah pencarian maklumat yang lebih luas kerana hasil penemuan menunjukkan bahawa kebanyakan mereka tidak menggunakan kaedah pencarian menggunakan Boolean, *truncation*, dan frasa. Oleh itu, pihak perpustakaan perlu mengambil langkah tertentu dalam mengatasi masalah ini.

5.1.3 Penggunaan Sumber Maklumat Elektronik

Kajian menunjukkan bahawa peratus yang menggunakan sumber maklumat elektronik lebih tinggi berbanding peratus yang tidak menggunakan sumber maklumat elektronik. Perangkaan ini adalah ditahap yang kurang memuaskan kerana masih ramai pelajar yang tidak menggunakan sumber maklumat elektronik walaupun pihak perpustakaan telah banyak menyediakan kemudahan sumber maklumat elektronik. Oleh itu, pihak perpustakaan perlu melihat isu ini dengan lebih serius memandangkan sumber maklumat elektronik tidak digunakan sepenuhnya oleh pelajar berbanding pelaburan yang tinggi dalam penyediaan kemudahan tersebut. Disamping itu, pelajar juga didapati masih kurang kerap menggunakan sumber maklumat elektronik kerana hanya 3%

responden menggunakannya setiap hari berbanding 31% yang menggunakannya sebulan sekali.

Bagi persoalan mengenai faktor penggalak dalam penggunaan sumber maklumat elektronik, “faktor sumber maklumat elektronik menyediakan sistem pencarian yang mudah” adalah pilihan tertinggi diikuti faktor “ia mudah digunakan berbanding bahan bercetak”. Faktor “galakan daripada pensyarah dan fakulti” telah menjadi pilihan terendah. Hasil penemuan ini menunjukkan ciri-ciri sumber elektronik yang menyediakan sistem pencarian yang mudah dan yang mudah digunakan berbanding bahan bercetak menjadi faktor utama yang menggalakkan penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar Fakulti Perubatan. Namun, penemuan menunjukkan juga bahawa galakan daripada pensyarah dan fakulti masih kurang dan satu langkah mengatasinya perlu dilakukan bagi meningkatkan kesedaran pensyarah dalam menggalakkan lagi para pelajarnya menggunakan sumber maklumat elektronik. Penemuan ini menepati beberapa kajian terdahulu seperti kajian penggunaan Sumber Maklumat Elektronik Portia yang menunjukkan pelajar lebih berminat menggunakan sumber maklumat elektronik adalah kerana ia menyediakan ciri-ciri yang mudah, pelbagai fungsi dan mempunyai kemudahan muat turun yang cepat.

Hasil penemuan juga menunjukkan bahawa para pelajar masih kurang kerap menggunakan kebanyakan sumber maklumat elektronik yang disediakan pihak perpustakaan. Ini kerana data menunjukkan pelajar hanya menumpu kepada beberapa pangkalan data teks penuh sahaja seperti Pangkalan data *OVID/MEDLINE*, *Proquest Medical, Science Direct, Encyclopedia of Life Science, CD-ROM Proquest* dan sumber

berasaskan Web sedangkan terdapat 10 lagi jenis sumber maklumat elektronik dan pangkalan data yang disediakan perpustakaan.

Di samping itu, pelaburan besar juga dilakukan oleh Perpustakaan HUKM dalam penyediaan pangkalan data secara tahunan antaranya *OVID/MEDLINE* sebanyak RM296,654.70, *Proquest Medical* (RM69,818.14), *Micromedex* (RM16,188.00), *Encyclopedia of life Sciences* (RM14,426.00), *CRL Online* (RM14,529.20), *PsycInfo & Articles* (RM12,540.00). Namun, kekerapan penggunaan terhadap pangkalan data tersebut adalah rendah berbanding pelaburan yang telah dilakukan oleh Perpustakaan HUKM. Oleh yang demikian, perpustakaan HUKM perlu melihat isu ini dengan serius bagi mengatasi masalah tersebut.

Faktor utama yang tidak menggalakkan penggunaan sumber maklumat elektronik ialah mereka lebih cenderung menggunakan sumber bercetak dan sumber maklumat elektronik tidak menyediakan perkhidmatan yang mesra pengguna. Penemuan ini adalah bersamaan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Shaheen Majid dan Tan (2002) yang menunjukkan bahawa bahan bercetak adalah format sumber maklumat yang paling banyak digunakan oleh pelajar. Kajian tersebut mencadangkan kempen promosi bagi pelajar perlu dilaksanakan dalam penggunaan sumber maklumat elektronik dengan lebih meluas. Oleh itu, pihak perpustakaan perlu melihat penemuan tersebut dan mengambil langkah sewajarnya bagi mengatasi isu tersebut.

5.1.4 Kaedah Pencarian Maklumat

Kajian menunjukan bahawa kaedah pencarian tertinggi yang digunakan oleh pelajar Fakulti Perubatan untuk mengakses maklumat menggunakan enjin pencari dalam

berasaskan Web sedangkan terdapat 10 lagi jenis sumber maklumat elektronik dan pangkalan data yang disediakan perpustakaan.

Di samping itu, pelaburan besar juga dilakukan oleh Perpustakaan HUKM dalam penyediaan pangkalan data secara tahunan antaranya *OVID/MEDLINE* sebanyak RM296,654.70, *Proquest Medical* (RM69,818.14), *Micromedex* (RM16,188.00), *Encyclopedia of life Sciences* (RM14,426.00), *CRL Online* (RM14,529.20), *PsycInfo & Articles* (RM12,540.00). Namun, kekerapan penggunaan terhadap pangkalan data tersebut adalah rendah berbanding pelaburan yang telah dilakukan oleh Perpustakaan HUKM. Oleh yang demikian, perpustakaan HUKM perlu melihat isu ini dengan serius bagi mengatasi masalah tersebut.

Faktor utama yang tidak menggalakkan penggunaan sumber maklumat elektronik ialah mereka lebih cenderung menggunakan sumber bercetak dan sumber maklumat elektronik tidak menyediakan perkhidmatan yang mesra pengguna. Penemuan ini adalah bersamaan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Shaheen Majid dan Tan (2002) yang menunjukkan bahawa bahan bercetak adalah format sumber maklumat yang paling banyak digunakan oleh pelajar. Kajian tersebut mencadangkan kempen promosi bagi pelajar perlu dilaksanakan dalam penggunaan sumber maklumat elektronik dengan lebih meluas. Oleh itu, pihak perpustakaan perlu melihat penemuan tersebut dan mengambil langkah sewajarnya bagi mengatasi isu tersebut.

5.1.4 Kaedah Pencarian Maklumat

Kajian menunjukkan bahawa kaedah pencarian tertinggi yang digunakan oleh pelajar Fakulti Perubatan untuk mengakses maklumat menggunakan enjin pencari dalam

sumber elektronik adalah pencarian asas seperti pencarian menggunakan tajuk, pengarang, kata kunci dan perkara iaitu 73% berbanding kaedah lain yang digunakan para pelajar. Kaedah *truncation* adalah yang terendah. Keadaan ini tidak memuaskan kerana pelajar seharusnya menggunakan pelbagai kaedah dalam pencarian maklumat untuk mendapatkan maklumat dengan lebih berkesan dan tepat dengan kehendak pembelajaran dan penyelidikan mereka. Ini kerana menurut kajian Michel (1994), Marchionni (1995) dan Debowski (2000) menyatakan bahawa pengguna seharusnya memberikan istilah yang paling tepat dan pelbagai untuk membolehkan sumber maklumat elektronik menghasilkan capaian kembali maklumat yang dikehendakinya dengan efektif. Oleh itu, pihak perpustakaan hendaklah mencari langkah sewajarnya untuk menjadikan pelajar mempunyai pengetahuan yang lebih mendalam dalam sistem dan kaedah pencarian maklumat menggunakan enjin pencari sumber maklumat elektronik perpustakaan.

Hasil kajian menunjukkan pelajar yang pernah menghadiri latihan dan bengkel khusus berkaitan kaedah pencarian maklumat sumber maklumat elektronik adalah rendah berbanding dengan responden yang tidak pernah menghadiri latihan dan bengkel tersebut. Ini menunjukkan bahawa antara sebab mengapa kebanyakan pelajar tidak menggunakan kaedah pencarian maklumat yang pelbagai ialah kerana mereka tidak pernah menghadiri bengkel dan taklimat serta latihan yang berkaitan dengan kaedah pencarian maklumat yang pelbagai dan lebih berkesan untuk enjin pencari sumber maklumat elektronik.

Penemuan kajian menunjukkan bahan panduan perlu disediakan oleh pihak perpustakaan yang berkaitan dengan cara dan kaedah pencarian maklumat sumber maklumat elektronik antaranya panduan berbentuk cetak dan atas talian melalui Internet.

Ini adalah kerana sebahagian besar responden bersetuju bahawa pihak perpustakaan perlu menyediakan panduan berbentuk bercetak dan bentuk panduan atas talian melalui Internet bagi menunjukkan panduan berkaitan cara dan kaedah pencarian menggunakan sumber maklumat elektronik. Kajian Valentia (1993) telah menunjukkan pelajar tidak merasa selesa untuk bertanya pustakawan mengenai penggunaan sumber maklumat elektronik. Oleh itu, wajarlah panduan berbentuk cetak dan panduan atas talian disediakan. Panduan ini perlu disediakan disamping diadakan latihan, bengkel, kelas, taklimat, kursus dan notis serta poster. Penyediaan panduan ini adalah berasaskan juga kepada kajian Debowski (2001) yang mengkaji tingkah laku pencari maklumat. Kajian beliau menunjukkan pencari maklumat bersungguh-sungguh dalam kaedah pencarian mereka namun tetap sukar menghasilkan strategi pencarian yang lebih efektif. Oleh itu, penyedian panduan adalah amat diperlukan dalam membantu pelajar untuk menghasilkan strategi pencarian yang lebih berkualiti.

5.1.5 Kepentingan Sumber Maklumat Elektronik

Penemuan kajian juga menunjukkan bahawa sumber maklumat elektronik adalah penting kepada pelajar Fakulti Perubatan tahun tiga hingga lima. Ini kerana statistik kajian mendedahkan bahawa sebahagian besar bersetuju bahawa sumber elektronik adalah penting berbanding dengan sebahagian kecil sahaja yang mengatakan sumber elektronik adalah tidak penting.

Kajian menunjukkan sebab utama dan terpenting sumber maklumat elektronik kepada pelajar adalah kerana ianya menyediakan sumber maklumat dan teks penuh kepada pelajar. Manakala responden juga bersetuju bahawa sebab kedua yang terpenting

adalah kerana ia menyediakan pengaksesan maklumat secara atas talian yang membolehkan pengaksesan pada bila-bila masa dan mudah. Responden juga menyatakan bahawa kepentingan sumber elektronik kepada pelajar kerana ia menyediakan kemudahan ‘muat turun’ maklumat dan juga ianya menyediakan maklumat artikel jurnal yang lebih banyak berbanding jurnal bercetak. Penemuan ini adalah bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Eason, Harker dan Yu (2000) yang mendedahkan peranan dan fungsi utama jurnal elektronik adalah atas pencarian dan percetakan. Oleh itu, perpustakaan perlu melihat dan mengkaji hasil penemuan ini dengan lebih mendalam untuk perancangan masa hadapan dalam penyediaan bahan maklumat di perpustakaan.

Disamping itu, responden juga memberikan sebab sumber maklumat elektronik tidak penting kepada pelajar.. Ini kerana sebahagian besar daripada responden menyatakan sumber maklumat elektronik tidak penting bersetuju bahawa maklumat dari bahan bercetak sudah mencukupi dan mereka mengatakan bahawa bidang pembelajaran dan penyelidikan mereka kurang memerlukan sumber elektronik.

Hasil penemuan juga menunjukkan bahawa sumber elektronik perpustakaan HUKM yang paling penting bagi para pelajar Fakulti Perubatan tahun tiga hingga lima ialah sumber maklumat berdasarkan Web dan diikuti pangkalan data teks penuh *OVID/MEDLINE* berbanding sumber elektronik lain yang disediakan oleh Perpustakaan HUKM. Manakala, responden juga bersetuju bahawa pangkalan data teks penuh *Proquest Medical, MD-Consult, Science-Direct, Blackwell-Synergy* dan *Springer Link* penting juga kepada pelajar Fakulti Perubatan UKM tahun tiga dan lima. Penemuan ini bertepatan dengan ulasan Hanson (1998) yang menyatakan sumber maklumat elektronik seperti *OVID* dan *EBSCO* berperanan besar dalam menjadi sumber rujukan bukan sahaja kepada

penyelidikan bahkan kepada aspek rujukan dan pendidikan pengguna. Oleh yang demikian, pihak Perpustakaan HUKM boleh merancang keperluan penyediaan dan panduan sumber maklumat elektronik berdasarkan statistik tersebut di atas.